

Tindak tanduk Pas berat: PM

SEREMBAN: Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap Pas sekiranya perbuatan pemimpinnya memutarbelitkan isu pengguguran perkataan 'Islam' pada nama parti itu, mengancam keselamatan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan memandang berat tindak tanduk Pas berhubung perkara itu, tetapi akan menanganinya secara berhati-hati.

"Kerajaan menganggap tindak tanduk Pas berhubung perkara itu adalah berat," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Pemimpin-Pemimpin Barisan Nasional (BN) Negeri Sembilan di Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) di sini, semalam.

"Majoriti masyarakat Melayu sedar Pas bukan Islam, tetapi kerajaan tidak akan melakukannya secara mendadak kerana parti pembangkang itu pasti akan membuat tuduhan kerajaan hendak membuang agama Islam.

"Bagi Pas kalau tidak ada perkataan 'Islam', dia akan kalah kerana tidak mempunyai apa-apa lagi untuk ditawarkan kepada rakyat," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kerajaan akan mengambil tindakan terhadap parti itu selepas rakyat faham kedudukan sebenar.

Katanya, kerajaan mudah mengambil tindakan terhadap pertubuhan al-Arqam kerana ia bukan parti politik dan semua orang tahu tindakan kerajaan itu adalah untuk memelihara Islam, sebaliknya Pas akan menggunakan apa juga tindakan kerajaan sebagai isu politik untuk mempertahankan parti, bukan agama Islam.

Kelmarin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor, berkata polis sedang mengawasi tindakan pemimpin Pas membahaskan isu pengguguran perkataan 'Islam' daripada nama parti itu.

Menurutnya, sesetengah pemimpin Pas menyalahafsirkan isu itu sehingga boleh menimbulkan kegelisahan di kalangan masyarakat.

Mengulas perkara itu, Dr Mahathir berkata, masih ramai rakyat yang tidak begitu matang untuk menghadapi kea-

LIHAT MUKA 2

Tindakan Pas berat: Mahathir

DARI MUKA 1

daan ini, kerana mudah sangat percaya sesuatu yang berkaitan dengan Islam. Ini jelas apabila pemimpin al-Arqam dikatakan bercakap dengan nabi, mereka percaya.

Dr Mahathir berkata, dalam menangani perkara ini kerajaan juga akan memastikan tidak ada orang asing yang memberi sokongan kepada Pas. Ini kerana ketika tindakan diambil terhadap al-Arqam, akhbar asing memberi sokongan mendakwa kerajaan tidak memberi kebebasan beragama.

Mengenai pemimpin Pas Kelantan, Nik Aziz Nik Mat, Dr Mahathir berkata, Menteri Besar Kelantan itu sememangnya tidak sukakan demokrasi, sebaliknya berminat pemerintahan secara autokratik.

"Kita nak rakyat yang tentukan, kerana itu kita kena jelaskan kepada rakyat betapa Pas cuma menggunakan Islam sebagai sebahagian daripada namanya, tetapi dari segi amalan, dasarnya tidak sedikitpun mencerminkan pegangan Islam," katanya.